



UiTM@Media **2016**

Karya Inovasi



UiTM@Media
2016

Galah Tuis

mudahkan kerja membalut buah

Oleh Hafizudin Mohd
Safar
bhvarsiti@bh.com.my

Tugas membalut buah pada dahan pokok yang tinggi cukup merumitkan, lebih-lebih lagi membabitkan harumanis selaku mempelam ikon Perlis yang dianggap cukup lokek.

Bagaimanapun, kerumitan itu berjaya diatasi pasukan inovasi Aktif Kreatif Akauntabiliti dan Luhur (AKAL) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perlis melalui produk reka cipta dikenali Galah Tuis.

Pengurus Ladang Kanan, Unit Ladang UiTM Perlis, Zulkifli Aswan, berkata Galah Tuis adalah hasil inovasi AKAL bagi menangani masalah dihadapi petugas Unit Ladang yang terpaksa membalut mempelam harumanis di 1,000 batang pokok di kampus terbabit setiap tahun.

Beliau berkata, antara masalah itu ialah kesukaran membalut buah yang berada pada pokok yang menjang-

kau ketinggian hampir 5.5 meter, selain ancaman serangga dan risiko keselamatan pekerja yang menggunakan tangga ketika melakukan tugas.

Sehubungan dengan itu, katanya AKAL yang terdiri daripada sembilan kakitangan UiTM Perlis bersama Unit Ladang, Pejabat Rektor dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Kampus, tampil dengan idea menggunakan galah kerana alat terbabit lebih praktikal.

Jimat masa

“Melalui galah tuis, kami mampu menjimatkan penggunaan tenaga kerja kerana seorang sahaja diperlukan untuk kerja membalut buah, berbanding dua pekerja diperlukan sebelum ini.

“Penggunaannya juga menjimatkan masa, malah mampu mencapai sebarang kedudukan buah pada ketinggian maksimum 5.5 meter, selain mengurangkan risiko dan ancaman termasuk kemalangan melibatkan tangga dan gangguan serangga,” katanya.

Galah tuis dicipta dengan ukuran 3.5 meter dan mengambil kira ketinggian purata petugas Unit Ladang



**KAMI MAMPU
MENJIMATKAN
PENGUNAAN
TENAGA KERJA
KERANA SEORANG
SAHAJA DIPERLU-
KAN UNTUK KERJA
MEMBALUT BUAH”**

Zulkifli Aswan,
Pengurus Ladang Kanan,
Unit Ladang UiTM Perlis

INFO

Kelebihan Galah Tuis

- Kurangkan penggunaan tenaga manusia
- Lebih jimat
- Kurang risiko kecederaan, serangan serangga
- Proses pembungkusan buah lebih cepat
- Dapat mencapai buah pada kedudukan yang lebih tinggi
- Modal yang rendah

BERSAMBUNG
DI SEBELAH



Zulkifli (kiri) menunjukkan **galah tuis** yang mampu membalut buah secara lebih cepat dan mudah.



Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Perlis, Zailudin Ariffin (kanan) melihat **galah tuis** ciptaan pasukan **AKAL**, UiTM Perlis.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

UiTM Perlis iaitu lima kaki atau 1.5 meter dan boleh mencapai buah yang berada pada ketinggian jauh daripada capaian tangga sedia ada.

Produk itu direka menggunakan bahan aluminium dan plastik PVC kini dalam proses pendaftaran paten melalui UiTM Perlis serta direka menggunakan modal RM94.05 setiap unit.

Zulkifli berkata, proses pembungkusan buah pula hanya mengambil masa 70 saat untuk setiap buah berbanding kaedah manual yang mengambil masa kira-kira 220 saat.

Selain itu, katanya, setiap Galah Tuis mampu diisi dengan tiga unit pembungkus membolehkan petugas ladang terus membungkus tiga buah secara berteru-

san sebelum perlu mengisi semula pembungkus untuk meneruskan proses.

Tiga prototaip

"Kami menghasilkan tiga unit prototaip dan berjaya membungkus hampir 90 peratus buah yang terdapat di 1,000 pokok mempelam harumanis di kampus.

"Kini, kami dalam proses penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti serta kebolehan galah tuis termasuk memasukkan beberapa elemen lain seperti kamera, selain kebolehan memuatkan lebih daripada tiga pembungkus," katanya.

Katanya, kemampuan untuk melaraskan panjang galah supaya dapat mencapai kedudukan buah yang berada pada pokok lebih

tinggi berbanding kemampuan capaian pada 5.5 meter tinggi ketika ini juga sedang diusahakan.

"Setakat ini, UiTM Perlis sudah memperkenalkan rekaan terbabit kepada beberapa pihak luar termasuk Jabatan Pertanian dan mendapat sambutan menggalakkan, namun kita hanya dapat mengeluarkan produk itu selepas selesai proses pendaftaran paten yang dijangka diperoleh tahun ini.

"Rekaan galah tuis ini dapat membantu pengusaha tanaman untuk membungkus sebarang jenis buah bersaiz diameter tidak melebihi 10 sentimeter (sm) seperti durian belanda dan belimbing yang turut ditanam di ladang UiTM Perlis," katanya.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

